

Usahawan Bumi: Kelemahan diri perlu dikaji

BM 22 FEB 1981
KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan usahawan Bumiputera mengkaji kelemahan diri sendiri dan jangan irihati kejayaan rakan lain.

Pemangku Perdana Menteri berkata, pengusaha Bumiputera, khususnya yang baru muncul, perlu berusaha keras di samping mencari kelemahan sendiri untuk dijadikan asas kemajuan masa depan.

"Mereka tidak harus cemburu dengan kejayaan rakan Bumiputera yang lain atau sengaja mencari dan menonjolkan kelemahannya," tegas beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir merasmikan Konvensyen Nasional dan Muktamar Agung Persatuan Siswazah In-

stitut Teknologi MARA (SISTEM) di sini, petang ini.

Konvensyen dua hari bertemakan 'Pembangunan Ekonomi Untuk Kesejahteraan Ummah' itu dihadiri oleh lebih 300 graduan ITM.

Beliau kesal kerana setengah pengusaha Bumiputera suka mencari kelemahan orang lain. "Ada pula yang membuat syor atau nasihat tertentu, seolah-olah mereka pakar di bidang perniagaan".

Sebaliknya, tegas beliau, apabila perniagaan sendiri hampir lumpuh, mereka merayu kepada Kerajaan atau pihak tertentu supaya membantu memulihkan perniagaannya.

Pemangku Perdana Menteri memuji pengusaha-pengusaha Bumiputera yang berjaya tanpa banyak publisiti atau mengharapakan pertolongan dari Kerajaan.

"Sikap mereka membuktikan Bumiputera

boleh berjaya tanpa bantuan khusus dari Kerajaan. Yang penting ialah keyakinan diri dan sanggup berusaha memajukan perniagaan dan membesarkan perniagaannya," ujar beliau lagi.

Menurut beliau, Kerajaan sanggup memberi kemudahan-kemudahan asas seperti menyediakan kemudahan pelajaran, khimat nasihat dan kursus-kursus yang berkaitan dengan profesyen masing-masing.

"Dengan bantuan begini, saya yakin bilangan Bumiputera yang maju di bidang perniagaan akan bertambah dari masa kesemasa," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyesali sikap setengah rakyat yang terlalu memilih pekerjaan.

"Tindakan mereka ini menyebabkan kebanyakan ladang getah dan kelapa sawit seperti di Trengganu menghadapi masalah tenaga kerja," tegasnya.

"Mereka sepatutnya mengubah sikap dan bersedia bekerja di mana saja, asalkan mendapat rezeki halal," tambah beliau.

Beliau berkata, Kerajaan tidak ingin dituduh lebih mengutamakan rakyat asing yang sanggup bekerja ladang-ladang.

"Jika Kerajaan berbuat begitu bermakna, rakyat negara ini sendiri tidak mahu bekerja di tempat-tempat tersebut," jelas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan, jika rakyat terlalu memilih pekerjaan, usaha memajukan ekonomi negara, khususnya di sektor pertanian, mungkin terjejas.

Pelabur-pelabur asing, tegas beliau, mungkin khuatir jika negara ini menghadapi masalah buruh.